

SOALAN NO. : 446

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH :

SOALAN:

TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kesan pemanasan global ke atas penduduk di sekitar pantai dan sungai. Apakah kajian-kajian terkini yang telah dilakukan oleh Kerajaan berkenaan kesan pemanasan global.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Antara impak perubahan iklim kepada kepada kawasan sekitar pantai dan sungai yang direkodkan adalah kenaikan aras air, hakisan pantai, kemasukan air masin ke kawasan tanaman, kerosakan fizikal infrastruktur, dan pencemaran sumber air.

Bagi memahami dengan lebih jelas mengenai kesan perubahan iklim khususnya kepada kawasan sekitar pantai dan sungai, Kerajaan telah melaksanakan kajian-kajian seperti berikut:

- i. *Study of the Impact of Climate Change on the Hydrologic Regime and Water Resources of Sabah & Sarawak* (oleh Pusat Penyelidikan Sumber Air Kebangsaan – NAHRIM);
- ii. *Climate Projection Downscaling for Peninsular Malaysia and Sabah-Sarawak Using Hadley Centre PRECIS Model* (oleh NAHRIM);
- iii. *Climate Change Factor for Design Rainfall in Malaysia* (oleh NAHRIM);
dan
- iv. *Climate Change Impact on the hydrological and Hydraulic Performance of Bekok and Labong Dam in Johor* (oleh NAHRIM).

Kajian-kajian ini telah dijadikan asas bagi perancangan dasar dan strategi bagi menangani impak perubahan iklim oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) khususnya bagi melaksanakan program tebatan banjir dan menangani hakisan sungai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT TUAN AHMAD MARZUK
BIN SHAARY [BACHOK]**

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan sedia mempertimbangkan semula cadangan daripada Adik Amirul Amri, pelajar lepasan Maahad Muhammadi Kota Bharu, berumur 18 tahun, yang telah mencadangkan supaya kelayakan umur mengundi diturunkan kepada 18 tahun dalam Sesi Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya di Kota Bharu, 7 Januari 2012.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menyebut mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih perlu memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi suatu bahagian pilihan raya dan membolehkannya mengundi dalam sesuatu pilihan raya umum atau kecil.

Mengenai cadangan umur kelayakan mengundi diturunkan kepada 18 tahun, Kerajaan berpendapat umur matang bagi mengundi untuk seseorang warganegara Malaysia adalah 21 tahun.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 448

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

RUJUKAN : 9775

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah jenis kad pengenalan yang masih dikeluarkan di Malaysia dan sama ada kanak-kanak yang tidak dapat dicari ibu bapa kandung mereka layak memohon kewarganegaraan Malaysia serta sama ada mereka yang telah dijadikan anak angkat kepada warganegara Malaysia akan diberi kewarganegaraan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat jenis Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kepada individu yang berkelayakan iaitu:

- 1. Kad Pengenalan (MyKad) yang berwarna biru bagi individu berstatus warganegara;**
- 2. Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) yang berwarna merah bagi individu berstatus Pemastautin Tetap;**
- 3. Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKas) yang berwarna hijau bagi individu berstatus Pemastautin Sementara; dan**
- 4. Kad Pengenalan Tentera (MyTentera) yang berwarna kelabu bagi anggota tentera yang masih berkhidmat.**

Kesemua Kad Pengenalan ini dikeluarkan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

Merujuk kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi seseorang kanak-kanak termasuklah mereka yang dilahirkan di negara ini, dimaklumkan bahawa pertimbangan adalah seperti mana

ditetapkan oleh perundangan di bawah Perlembagaan Persekutuan, yang antara syarat-syarat utamanya adalah tertakluk kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa semasa kelahiran kanak-kanak tersebut berlaku. Perundangan ini turut terpakai kepada kanak-kanak berstatus bukan warganegara yang diambil sebagai anak angkat oleh warganegara Malaysia. Hal ini adalah kerana pengangkatan tidak membawa kepada pemerolehan kewarganegaraan secara automatik.

Perkara ini juga pernah diputuskan di Mahkamah Rayuan yang menolak permohonan kewarganegaraan bagi dua orang kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia dengan justifikasi:

- 1. Bagi kes pertama, pemohon gagal membuktikan susur galur keturunannya pada masa kelahiran (prinsip jus sanguinis tidak dipenuhi);**
- 2. Manakala bagi kes kedua pula, kanak-kanak tersebut perlu dibuktikan bahawa beliau tanpa kerakyatan atau kewarganegaraan negara lain. Namun, memandangkan ia adalah kes anak tak sah taraf yang dilahirkan oleh ibu warga asing (dilahirkan di luar perkahwinan), maka pertimbangan kewarganegaraan anak tersebut adalah mengikut kewarganegaraan asal ibunya.**

Penganugerahan kewarganegaraan kepada mana-mana warga asing termasuklah bagi individu di bawah usia 21 tahun adalah berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan kepada JPN. Individu tersebut hendaklah terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Dalam mempertimbangkan setiap permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon.